

10 NOV 2000  
Sungai-Pemenang  
SUNGAI CHEPOR GONDOL RM60,000

ALOR SETAR, 10 Nov (Bernama) -- Sungai Chepor di Kampung Chepor, Kinta, Perak menggondol hadiah utama RM60,000 bagi kategori pelancongan pada Pertandingan Sungai Angkat peringkat kebangsaan hari ini.

Pertandingan itu sempena Kempen Cintailah Sungai Kita yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Ampang Jajar di sini.

Selain wang tunai, wakil penduduk kampung berkenaan turut membawa pulang piala pusingan dan piala iringan yang disampaikan Dr Mahathir.

Tempat kedua dimenangi oleh Sungai Kupang di Kampung Iboi, Baling, Kedah dan wakil penduduk kampung itu membawa pulang RM50,000 manakala tempat ketiga ialah Sungai Air Putih di Kampung Junjung, Kulim, Kedah untuk hadiah RM40,000.

Bagi kategori sungai angkat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Sungai Renok di Kampung Renok Baru, Gua Musang, Kelantan menggondol hadiah utama berupa wang tunai RM7,000.

Tempat kedua dimenangi oleh Sungai Guar di Kampung Guar, Kuala Kangsar, Perak (RM4,000) manakala tempat ketiga pula disandang oleh Sungai Kundang di Kampung Kundang, Kuala Langat, Selangor (RM2,000).

Bagi kategori sekolah pula, Sungai Air Merah di bawah jagaan Kolej Mara Kulim telah memenangi tempat pertama untuk membawa pulang wang tunai bernilai RM4,500.

Tempat kedua disandang oleh Sungai Ketil di bawah jagaan Sekolah Kebangsaan Kuala Pegang, Baling, Kedah (RM3,000) dan tempat ketiga Sungai Serting di bawah jagaan Sekolah Agama Datuk Mustaffa, Jempol Negeri Sembilan (RM2,000).

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamwd Ali, Menteri Pertanian Datuk Dr Mohamed Effendi Norwawi, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding dan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

-- BERNAMA  
ZZ MAN RON